

**KESAN PEMBENTUKAN MALAYSIA 16 SEPTEMBER
1963 TERHADAP PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI
SABAH DARI TAHUN 1963 HINGGA 1973**



CAROLYNNE KUNI

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

**KESAN PEMBENTUKAN MALAYSIA 16 SEPTEMBER
1963 TERHADAP PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI
SABAH DARI TAHUN 1963 HINGGA 1973**

CAROLYNNE KUNI



**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA
MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN SEJARAH**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

PENAKUAN

Saya mengaku latihan ilmiah yang bertajuk Kesan Pembentukan Malaysia 16 September 1963 Terhadap Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah Dari Tahun 1963 Hingga 1973 adalah hasil kerja saya sendiri, kecuali ringkasan yang setiap daripadanya telah saya jelaskan sumbernya.



CAROLYNNE KUNI

BA19110861

21 Ogos 2022

Tarikh



UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : CAROLYNNE KUNI
NO. MATRIK : BA19110861
TAJUK : KESAN PEMBENTUKAN MALAYSIA 16 SEPTEMBER
1963 TERHADAP PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI
SABAH DARI TAHUN 1969 HINGGA 1973

DISAHKAN OLEH:

PENYELIA

DR. DG JUNAIDAH BINTI AWANG JAMBOL



Tandatangan

A handwritten signature in black ink, consisting of stylized letters and a horizontal line at the end.

UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu penulis ingin memanjatkan rasa kesyukuran kepada Tuhan kerana dengan berkat dan pertolonganNya, akhirnya penulis berjaya menyiapkan penulisan latihan ilmiah bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian (Sejarah). Penulis bersyukur kerana segala cabaran dan permasalahan yang timbul sepanjang penulisan ini dihasilkan berjaya dihadapi serta diatasi dengan jayanya.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan sejuta penghargaan ditujukan kepada Dr Dg Junaidah Binti Awang Jambol selaku penyelia tesis yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan juga membimbing penulis sepanjang menyiapkan penulisan ini. Beliau juga telah banyak memberi dorongan dan kata-kata semangat kepada penulis untuk menyiapkan kajian ini. Selain itu, tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada keluarga yang amat disayangi yang tidak putus-putus memberikan dorongan dan semangat untuk meneruskan penulisan ini. Di samping itu, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada rakan-rakan penulis atas segala pertolongan, dorongan dan sokongan moral anda semua yang tidak berbelah bahagi.

Sekian, terima kasih.

Carolynne Kuni

21 Ogos 2022

ABSTRAK


Kajian ini memberi tumpuan kepada kesan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 terhadap pembangunan ekonomi negeri Sabah dari tahun 1963 hingga 1973. Secara terperinci, kajian ini mendedahkan pelan-pelan yang dilaksanakan bagi negeri Sabah selepas negeri ini bersetuju untuk menyertai pembentukan Malaysia. Lantaran dengan itu, tiga permasalahan kajian yang mendasari penyelidikan ini iaitu menghuraikan proses pembentukan Malaysia, mendedahkan pelan dan rancangan pembangunan ekonomi yang telah dilaksanakan terhadap negeri Sabah dari tahun 1963 hingga 1973 dan membincangkan pencapaian pembangunan ekonomi negeri Sabah selepas pelan dan rancangan pembangunan ekonomi dilaksanakan. Terdapat tiga pelan pembangunan ekonomi yang telah dilaksanakan terhadap negeri Sabah sepanjang tahun 1963 hingga 1973 iaitu Pelan Pembangunan Sabah 1959-1964, Pelan Pembangunan Sabah 1965-1970 dan Rancangan Malaysia Pertama - Sabah (1966-1970). Pelan dan rancangan pembangunan ekonomi ini sememangnya telah membawa suatu transformasi yang memberansangkan terhadap ekonomi negeri Sabah.

Kata Kunci: Pembentukan Malaysia, Sabah, Pembangunan, Ekonomi

ABSTRACT

This study focuses on the impact of the formation of Malaysia on 16 September 1963 on the economic development of the state of Sabah from 1963 to 1973. In detail, this study reveals the plans implemented for the state of Sabah after the state agreed to participate in the formation of Malaysia. Therefore, the three research problems underlying this research are to describe the process of the formation of Malaysia, reveal the economic development plans and plans that have been implemented for the state of Sabah from 1963 to 1973 and discuss the economic development achievements of the state of Sabah after the economic development plans and plans have been implemented. There are three economic development plans that have been implemented for the state of Sabah throughout the years 1963 to 1973, namely the Sabah Development Plan 1959-1964, the Sabah Development Plan 1965-1970 and the First Malaysia Plan - Sabah (1966-1970). This plan and economic development plan has indeed brought about a transformation that is exciting to the economy of the state of Sabah.

Keywords: *Formation of Malaysia, Sabah, Development, Economy*



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
PENGAKUAN	i
PENGESAHAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
<i>ABSTRACT</i>	v
SENARAI KANDUNGAN	vi-vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI SINGKATAN	ix

BAB 1: PENGENALAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Permasalahan Kajian	2-3
1.3	Objektif Kajian	3-4
1.4	Sorotan Literatur	4-8
1.5	Skop Kajian	8-9
1.6	Kepentingan Kajian	9
1.7	Kaedah Kajian	9-10
1.8	Pembahagian Kajian	10-12
1.9	Kesimpulan	12

BAB 2: LATAR BELAKANG PEMBENTUKAN MALAYSIA

2.1	Pengenalan	13-14
2.2	Idea Pembentukan Malaysia	15-18
2.3	Faktor Pembentukan Malaysia	18
2.3.1	Politik	18-19
2.3.1.a	Menyekat Ancaman Komunis	19-20
2.3.1.b	Mempercepatkan Kemerdekaan	20-21
2.3.2	Menyeimbangkan Keadaan Ekonomi di Setiap Wilayah	21-22
2.3.3	Mencapai Keseimbangan Kaum	22-23
2.4	Reaksi Sabah Terhadap Pembentukan Malaysia	23-28

2.5	Kesimpulan	28-29
BAB 3: PELAN PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI SABAH DARI TAHUN 1963 HINGGA 1973		
3.1	Pengenalan	30-31
3.2	Latar Belakang Penduduk dan Kegiatan Ekonomi di Sabah	31-39
3.3	Konsep Pembangunan Ekonomi	39-40
3.4	Pelan Pembangunan Ekonomi Sabah dari Tahun 1963 Hingga 1973	40
	3.4.1 Pelan Pembangunan Sabah 1959-1964	41
	3.4.2 Pelan Pembangunan Sabah 1965-1970	41
	3.4.3 Rancangan Malaysia Pertama - Sabah (1966-1970)	42
3.5	Kesimpulan	43
BAB 4: PENCAPAIAN PEMBANGUNAN EKONOMI SABAH		
4.1	Pengenalan	44-46
4.2	Trend Pembangunan Ekonomi Sabah Selepas Pembentukan Malaysia	46-49
4.3	Hubungan Diantara Dasar Pembangunan Kerajaan Dengan Pembangunan Ekonomi Bumiputera	49-55
4.4	Kesimpulan	55-56
BAB 5: KESIMPULAN		57-59
RUJUKAN		60-65

SENARAI JADUAL

JADUAL	HALAMAN
4.2.1 Peruntukan Perbelanjaan Rancangan Malaysia Pertama Mengikut Sektor-Sektor yang Terdapat di Sabah (\$ Juta)	47
4.2.2 Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Mengikut Sektor (1965-1970)	49



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

SBUB	Syarikat Borneo Utara British
NBNST	<i>The North Borneo News and Sabah Times</i>
SDC	<i>Sabah Development Corridor</i>
JPPM	Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia
JAK	Jawatankuasa Antara Kerajaan
EIC	Syarikat Hindia Timur Inggeris
PAP	<i>People's Action Party</i>
UMNO	<i>United Malays National Organization</i>
LDP	<i>Liberal Democratic Party</i>
DAP	<i>Democratic Action Party</i>
UPMP	<i>United Pasok Momogun Party</i>
USNO	<i>United Sabah National Organisation</i>
UNKO	<i>United National Kadazan Organisation</i>
RPLT	Rancangan Pembangunan Lima Tahun Negara
RMP	Rancangan Malaysia Pertama
BIMP-EAGA	<i>Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, East Asian Growth Area</i>
LTGS	Lembaga Tabung Getah Sabah
LPS	Lembaga Padi Sabah
LKTNS	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Malaysia lahir enam tahun selepas Persekutuan Tanah Melayu memperoleh kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Pembentukan negara Malaysia merujuk kepada gabungan Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei. Namun begitu, Brunei telah menarik diri daripada pembentukan Malaysia pada 9 Julai 1963¹ manakala Singapura pula dipisahkan daripada Malaysia dua tahun selepas penggabungan iaitu pada 9 Ogos 1965.² Pembentukan negara Malaysia telah diisytiharkan secara rasmi pada 16 September 1963 dan merupakan sebuah peristiwa bersejarah yang penting kerana ianya menjadi titik bermulanya gabungan serta kerjasama antara Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak dalam sebuah negara berdaulat.

Sejak awal rancangan pembentukan Malaysia, Sabah merupakan salah satu wilayah yang sering disebut untuk digabungkan ke dalam pembentukan Malaysia. Walaupun begitu, reaksi awal pemimpin tempatan di Sabah terutamanya Donald Stephens lebih ke arah menentang pembentukan tersebut kerana melihat pembentukan Malaysia sebagai satu bentuk penjajahan baru oleh Malaya.³ Selepas beberapa rundingan diadakan antara pemimpin tempatan Sabah dan Tanah Melayu, Sabah akhirnya bersetuju untuk bergabung dengan negeri-negeri lain dalam pembentukan Malaysia dengan harapan bahawa pembentukan tersebut dapat

¹ Haji Awang Asbol Bin Haji Mail, Pendidikan Dan Dasar-Dasar Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 1914-1962: Satu Kajian Transformasi, *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Vol. 8(2), 2020: 130.

² Ayu Nor Azilah Mohamad, Mohamed Ali Haniffa & Wayu Nor Asikin Mohamad, Impak Pemajmukan dalam Hubungan Malaysia-Singapura Pasca Pembentukan Malaysia, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Vol. 3(3), 2018: 62.

³ Saimin Ginsari & Joseph M. Fernando, Donald Stephens Dan Peranannya Dalam Pembentukan Malaysia, *SEJARAH: Journal of the Department of History*, Vol. 23(1), 2014: 180.

memberikan kemerdekaan kepada Sabah, membebaskan Sabah daripada dituntut oleh Filipina dan menaik taraf kualiti hidup masyarakat bumiputera di Sabah.⁴

Sebelum pembentukan Malaysia, perkembangan ekonomi di Sabah telah memperlihatkan kemajuan yang konsisten apabila Syarikat Borneo Utara British (SBUB), Jepun dan kerajaan British melaksanakan perubahan terhadap struktur ekonomi di Sabah. Contohnya, SBUB telah mengubah sistem pertanian sara diri kepada sistem pertanian komersial⁵ di Sabah. Dengan kata lain, Sabah telah mengalami perubahan ekonomi sebelum pembentukan Malaysia lagi. Keadaan ini telah dijadikan asas kepada rancangan pembangunan negeri Sabah selepas pembentukan Malaysia.

1.2 Permasalahan Kajian

Sebelum Sabah bergabung dalam pembentukan Malaysia, Sabah telah ditadbir oleh tiga kuasa besar iaitu Syarikat Borneo Utara British (1881-1941), Jepun (1941-1945) dan kolonial British (1496-1963). Ketiga-tiga kuasa besar ini telah melakukan pelbagai perubahan terutamanya dalam aspek ekonomi negeri Sabah. Walaupun tidak dinafikan bahawa perubahan ekonomi tersebut sedikit sebanyak membawa kemajuan dan pembangunan kepada Sabah namun keuntungan yang diperoleh daripada kekayaan sumber tanah di Sabah secara langsung menjadi milik kuasa besar yang mentadbir Sabah pada ketika itu. Pembangunan ekonomi Sabah mula menunjukkan perubahan dan perkembangan positif apabila Sabah bergabung dalam pembentukan Malaysia pada 16 September 1963. Hal ini kerana pelbagai pelan dan projek pembangunan ekonomi mula dirancang dan dilaksanakan bagi negeri Sabah.

Berdasarkan pernyataan di atas, tiga persoalan kajian dibentuk. Persoalan pertama adalah bagaimanakah proses pembentukan Malaysia berlaku. Persoalan ini ingin merungkai idea dan faktor yang membawa kepada pembentukan Malaysia pada 16 September 1963. Selain itu, persoalan ini turut menghuraikan faktor yang

⁴ Aszlan Selamat, Sabah Dalam Proses Pembentukan Persekutuan Malaysia, *Jurnal Kinabalu*, Vol. 19, 2013: 171.

menyebabkan Sabah bersetuju untuk bergabung dalam pembentukan Malaysia. Bahagian ini turut mendedahkan reaksi pemimpin dan penduduk negeri Sabah terhadap pengumuman pembentukan Malaysia. Proses pembentukan Malaysia ini wajar dikaji kerana pembentukan Malaysia menjadi titik bermulanya pertumbuhan ekonomi Sabah tanpa melibatkan penjajah.

Persoalan kedua adalah apakah pelan pembangunan ekonomi yang dilaksanakan bagi negeri Sabah dari tahun 1963 hingga 1973. Persoalan ini ingin merungkai pelan-pelan pembangunan ekonomi yang diwujudkan dan dilaksanakan terhadap negeri Sabah sepanjang tahun 1963 hingga 1973.

Persoalan terakhir ialah apakah pencapaian yang berjaya diperolehi oleh negeri Sabah daripada pelan pembangunan ekonomi yang dilaksanakan. Perubahan ini wajar dikaji bagi membuktikan sama ada projek pembangunan ekonomi yang dirancang membawa impak yang ketara terhadap pertumbuhan ekonomi negeri Sabah.

1.3 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini dijalankan adalah untuk menjelaskan kesan pembentukan Malaysia terhadap pembangunan ekonomi negeri Sabah dari tahun 1963 hingga 2019. Kajian ini akan merangkumi perbincangan mengenai peristiwa pembentukan Malaysia, pelan pembangunan ekonomi yang dilaksanakan bagi negeri Sabah dan perubahan yang berlaku terhadap ekonomi negeri Sabah.

Terdapat tiga objektif khusus yang dibentuk bagi mencapai objektif utama di atas. Objektif khusus yang pertama adalah untuk menerangkan peristiwa pembentukan Malaysia. Kajian ini akan menerangkan idea dan faktor yang membawa kepada pembentukan Malaysia serta usaha yang dilakukan bagi merealisasikan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963. Selain itu, kajian ini turut mendedahkan faktor yang mendorong Sabah bersetuju untuk bergabung dalam pembentukan Malaysia. Bahagian ini turut mendedahkan reaksi awal negeri Sabah terhadap pembentukan Malaysia.

⁵ Mohamed Aliff Rosli, Syarikat Kapal Wap: Pencetus Pembangunan Ekonomi Bandar di Borneo Utara, 1883-1941, *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*, Vol. 2(1), 2018: 11.

Objektif khusus kedua adalah untuk menghuraikan pelan pembangunan ekonomi yang dilaksanakan bagi negeri Sabah. Perbincangan mengenai pelan pembangunan ekonomi bagi negeri Sabah ini akan menghuraikan setiap pelan pembangunan ekonomi yang pernah dilaksanakan terhadap negeri Sabah sepanjang tahun 1963 hingga 1973.

Objektif khusus yang terakhir adalah untuk menganalisis pencapaian pembangunan ekonomi yang berjaya dicapai oleh negeri Sabah selepas pelan-pelan pembangunan ekonomi dilaksanakan. Perubahan ini penting untuk dikaji bagi memahami sejauhmana pelan pembangunan ekonomi yang dirancang sejak pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 membawa perubahan kepada ekonomi negeri Sabah.

1.4 Sorotan Literatur

Pengkaji mendapati kebanyakan penulisan lepas berkaitan kesan pembentukan Malaysia terhadap pembangunan ekonomi negeri Sabah dari tahun 1963 hingga 2019 dihasilkan secara berasingan. Dengan kata lain, sesebuah penulisan tersebut dihasilkan sama ada menghuraikan tentang sejarah pembentukan Malaysia ataupun sejarah pembangunan ekonomi negeri Sabah sahaja. Selain itu, terdapat juga perbincangan dalam beberapa penulisan lepas yang lain yang hanya memfokuskan kepada peristiwa tertentu dalam pembentukan Malaysia atau satu projek pembangunan negeri Sabah sahaja. Oleh itu, fakta dan hujah yang diperolehi daripada penulisan-penulisan lepas ini akan digunakan oleh pengkaji dalam menghasilkan kajian mengenai kesan pembentukan Malaysia terhadap pembangunan ekonomi negeri Sabah dari tahun 1963 hingga 2019. Dari segi sejarah pembentukan Malaysia, pengkaji menggunakan karya oleh Tai Yong Tan (2008)⁶ yang membincangkan secara terperinci mengenai proses politik dalam pembentukan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963. Salah satu topik yang dibincangkan dalam buku ini adalah mengenai isu kewarganegaraan, kawalan kewangan dan pembangunan pasaran diantara Singapura dan Kuala Lumpur. Penulis turut menerangkan tentang pembebasan tanah-tanah jajahan atau proses

⁶ Tai Yong Tan, *Creating 'Greater Malaysia': Decolonization and the Politics of Merger*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2008.

dokolonisasi oleh kolonial British pada pasca perang Asia Tenggara. Penggabungan wilayah Borneo dan Brunei dalam pembentukan Persekutuan Malaysia turut diwacanakan dalam buku ini dimana penulis menjelaskan bagaimana Tunku Abdul Rahman membawa wilayah Borneo dan Brunei bergabung dalam pembentukan Malaysia. Oleh itu, buku ini sesuai digunakan sebagai rujukan untuk melihat proses pembentukan Malaysia dan penggabungan wilayah Borneo serta Brunei dalam Malaysia.

Penulisan yang dihasilkan oleh Amarjit Kaur (1998)⁷ pula adalah berkisarkan tentang perubahan struktur ekonomi di Sabah dan Sarawak sejak tahun 1850. Dalam penulisan tersebut, penulis menjelaskan perubahan ekonomi negeri Sabah dan Sarawak bermula dari zaman dimana Sabah dan Sarawak ditadbir oleh kuasa luar sehingga kedua-dua negeri tersebut bergabung dalam pembentukan Malaysia. Menurut Amarjit Kaur, Sabah telah ditadbir oleh Syarikat Berpiagam British dari tahun 1881 manakala Sarawak pula ditadbir oleh Rajah Putih sejak tahun 1841. Kolonial British sekali lagi memerintah Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak dari tahun 1946 hingga 1963 selepas pengunduran tentera Jepun dari wilayah-wilayah tersebut. Walaupun begitu, Sabah dan Sarawak dilihat tidak mampu memberikan pulangan ekonomi atau keuntungan dengan kadar segera kerana pelbagai aspek perlu dibangunkan terlebih dahulu sebelum kekayaan hasil bumi di kedua-dua negeri tersebut dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Oleh itu, penulis turut memasukkan perbincangan mengenai strategi ekonomi yang dilaksanakan oleh Syarikat Berpiagam British dan Rajah Putih di negeri Sabah dan Sarawak. Perbincangan dalam buku ini turut menjelaskan tentang kemajuan dan pembangunan Sabah dan Sarawak selepas Malaysia dibentuk pada 16 September 1963 serta isu-isu yang timbul seperti hak ke atas hasil minyak dan imigrasi. Buku ini sesuai dijadikan sebagai rujukan dalam memahami struktur ekonomi Sabah sebelum dan selepas pembentukan Malaysia. Fakta dan huraian dalam buku ini dapat digunakan oleh penulis dalam menjelaskan perubahan ekonomi di Sabah sejak pembentukan Malaysia.

⁷ Amarjit Kaur, *Economic Change in East Malaysia: Sabah and Sarawak Since 1850*, New York: St. Martin's Press, 1998.

Selain daripada buku, pengkaji turut menggunakan beberapa artikel dalam jurnal yang dirasakan dapat dijadikan sebagai rujukan dalam penyelidikan dan penulisan kajian ini. Salah satu artikel yang diperoleh adalah karya yang ditulis oleh Aszlan Selamat (2013)⁸ yang memfokuskan kepada penglibatan Sabah dalam pembentukan Malaysia. Pada peringkat awal, pemimpin dan penduduk tempatan di Sabah tidak bersetuju dengan idea pembentukan Malaysia kerana menganggap pembentukan tersebut sebagai satu bentuk penjajahan baru oleh Tanah Melayu. Namun begitu, pemimpin dan penduduk tempatan di Sabah akhirnya bersetuju untuk menyertai penggabungan Malaysia selepas beberapa siri persidangan dan perbincangan diadakan antara Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak. Selain daripada penglibatan Sabah dalam pembentukan Malaysia, penulis turut menerangkan tentang proses pembentukan Malaysia secara terperinci. Antara topik yang diuraikan oleh penulis berkaitan proses pembentukan Malaysia adalah seperti cadangan-cadangan awal dan faktor yang membawa kepada pembentukan Malaysia, jawatan-jawatankuasa yang ditubuhkan dan reaksi penduduk Sabah terhadap rancangan Malaysia. Walaupun tidak dinafikan penulis telah memberikan gambaran yang jelas mengenai proses pembentukan Malaysia dan penglibatan Sabah dalam pembentukan Malaysia namun perubahan yang dialami oleh negeri Sabah dalam aspek politik, ekonomi mahupun sosial tidak dijelaskan oleh penulis.

Artikel yang ditulis oleh Mohd Sohaimi Esa dan Romzi Ationg (2020)⁹ juga merupakan rujukan yang penting kepada pengkaji untuk meneliti reaksi awal penduduk Sabah terhadap pembentukan Malaysia. Melalui artikel tersebut, penulis terlebih dahulu menjelaskan reaksi awal penduduk Sabah terhadap pembentukan Malaysia dalam konteks akhbar tempatan. Pada peringkat awal, Donald Stephen telah mengalu-alukan idea Tunku Abdul Rahman berkaitan pembentukan Malaysia dengan syarat wilayah Borneo yang terdiri daripada Sabah, Sarawak dan Brunei haruslah disatukan terlebih dahulu. Namun begitu, kenyataan Tunku Abdul Rahman pada 6 Julai 1961 yang menyatakan bahawa kedudukan dan kekuasaan Sabah, Sarawak serta Brunei adalah sama dengan negeri-negeri lain di Tanah Melayu telah menimbulkan ketidakpuasan hati dalam kalangan pemimpin dan penduduk

⁸ Aszlan Selamat, Sabah Dalam Proses Pembentukan Persekutuan Malaysia, *Jurnal Kinabalu*, Vol. 19, 2013: 167-183.

tempatan di Sabah. Akhbar tempatan *The North Borneo News and Sabah Times* (NBNST) telah memetik beberapa kenyataan daripada akhbar tempatan lain seperti *Api Slang Pau* dan *Borneo Times* untuk menyatakan kekecewaan terhadap kenyataan Tunku Abdul Rahman. Selain itu, penulis turut menjelaskan tentang reaksi penduduk Sabah pada masa kini dengan berpandukan kepada penyelidikan dan soal selidik yang dijalankan terhadap penduduk tempatan di daerah Tuaran dan Penampang. Secara keseluruhan, artikel ini lebih berfokuskan kepada perbandingan reaksi penduduk Sabah pada peringkat awal dan kini terhadap pembentukan Malaysia. Malahan, faktor yang mendorong Sabah bersetuju untuk bergabung dalam pembentukan Malaysia juga tidak dimasukkan dalam artikel ini.

Dari segi sejarah pembangunan ekonomi Sabah pula, pengkaji telah menggunakan beberapa artikel yang dirasakan sesuai untuk dijadikan sebagai rujukan bagi meneliti pelan atau projek pembangunan yang dilaksanakan di negeri Sabah. Salah satu artikel yang digunakan adalah artikel yang ditulis oleh Juhirin B. Kantis (1988)¹⁰ yang memfokuskan kepada trend pembangunan ekonomi negeri Sabah dari tahun 1963 hingga 1970. Penulis menerangkan trend pembangunan ekonomi Sabah dengan menjelaskan pelan pembangunan ekonomi yang dirancang bagi negeri Sabah. Beberapa program pembangunan yang turut melibatkan sektor ekonomi telah dirancang sejak negeri Sabah menyertai pembentukan Malaysia. Program pembangunan tersebut termasuklah penerusan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Ketiga (1960-1965) dan Rancangan Pembangunan Enam Tahun Negeri Sabah (1965-1970) yang kemudiannya disertakan dalam Rancangan Malaysia Pertama (RMP) dari tahun 1966 hingga 1970. Selain daripada trend pembangunan ekonomi Sabah selepas merdeka, penulis turut menghuraikan tentang beberapa topik lain yang berkaitan seperti perkaitan antara kemerdekaan dan gagasan ekonomi bumiputera di Sabah, hubungan di antara dasar pembangunan kerajaan dengan perkembangan ekonomi bumiputera dan kesan perubahan aspek ekonomi, politik serta fizikal negeri Sabah pada tahun 1960-an terhadap kedudukan dan perkembangan ekonomi bumiputera di Sabah.

⁹ Mohd Sohaimi Esa & Romzi Ationg, Reaksi Penduduk Sabah Terhadap Pembentukan Malaysia: Suatu Perbandingan Dulu dan Kini, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Vol. 5(12), 2020: 123-130.

Artikel yang ditulis oleh Kasim Hj. Mansur dan Mori Kogid (2008)¹¹ pula adalah artikel yang menjelaskan tentang harapan dan cabaran dalam Koridor Pembangunan Sabah (SDC). Koridor Pembangunan Sabah (SDC) merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri Sabah dalam meningkatkan daya saing ekonomi negeri Sabah ke peringkat yang lebih tinggi berbanding sebelumnya. Antara kemajuan dan pembangunan yang dirancang dalam Koridor Pembangunan Sabah (SDC) ini adalah kemajuan infrastruktur dan kemudahan supaya ianya dapat meningkatkan lagi aktiviti ekonomi negeri Sabah dan seterusnya membawa kepada pembangunan dalam semua aspek dan sektor di negeri Sabah. Pelaksanaan Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dilihat dapat memberi peluang dan harapan baru kepada Sabah untuk menjadi negeri yang setanding dengan negeri-negeri lain di semenanjung Malaysia. Antara peluang dan harapan daripada Koridor Pembangunan Sabah (SDC) termasuklah pembangunan ekonomi, peningkatan perolehan daripada sektor pelancongan, pertambahan peluang pekerjaan dalam sektor pertanian dan perikanan, mengurangkan kemiskinan, meningkatkan pelaburan modal dalam sektor perindustrian dan perniagaan serta meningkatkan taraf hidup penduduk Sabah. Walaupun begitu, peluang dan harapan daripada Koridor Pembangunan Sabah (SDC) ini tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya kerana masih wujud halangan dan cabaran seperti kemiskinan, pendatang tanpa izin, masalah setinggan, pembalakan haram dan tahap pendidikan yang masih rendah. Artikel ini dapat digunakan oleh pengkaji dalam menjelaskan pelan pembangunan ekonomi negeri Sabah dari tahun 1963 hingga 2019.

1.5 Skop Kajian

Skop bidang bagi kajian ini adalah bidang ekonomi yang berfokuskan kepada pembangunan ekonomi negeri Sabah sejak pembentukan Malaysia pada 16 September 1963. Skop masa kajian ini bermula dari tahun 1963 hingga tahun 1973. Lokasi kajian adalah di negeri Sabah. Kekayaan sumber hasil bumi di Sabah telah menarik minat kuasa luar seperti SBUB, Jepun dan kolonial British untuk menguasai Sabah. Walaupun begitu, kemudahan dan infrastruktur di Sabah pada ketika itu masih di tahap yang kurang memuaskan. Oleh itu, pelbagai perubahan yang

¹⁰ Juhirin B. Kantis, Trend Pembangunan Ekonomi Sabah dan Keadaan Ekonomi Masyarakat Bumiputera (1963-1970), *JEBAT*, Vol. 16, 1988: 81-112.

¹¹ Kasim Hj. Mansur & Mori Kogid, Koridor Pembangunan Sabah (SDC): Harapan dan Cabaran, *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke III*, Jilid 1, 2008: 576-589.

berkaitan dengan bidang ekonomi dilaksanakan di Sabah bagi memudahkan meningkatkan pengeluaran dan penghasilan hasil bumi tersebut. Selepas Sabah bergabung dalam pembentukan Malaysia, pelbagai pelan dan projek pembangunan ekonomi dirancang bagi merencanakan lagi pertumbuhan ekonomi negeri Sabah.

1.6 Kepentingan Kajian

Walaupun penulisan mengenai sejarah pembentukan Malaysia dan pembangunan ekonomi negeri Sabah telah banyak dihasilkan oleh sejarawan dan penyelidik lain namun penulisan yang menghubungkaitkan sejarah pembentukan Malaysia dan kesannya terhadap pembangunan ekonomi negeri Sabah amat kurang dilakukan. Jika diteliti secara terperinci, kebanyakan penulisan hanya berfokuskan kepada perkembangan sesebuah sektor yang berkaitan dengan bidang ekonomi atau perkembangan ekonomi semasa era pemerintahan seseorang tokoh yang terkenal sahaja. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menghuraikan secara menyeluruh kesan pembentukan Malaysia terhadap pembangunan ekonomi negeri Sabah dari tahun 1963 hingga 1973. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk memberi kesedaran kepada sebahagian golongan masyarakat yang masih berpandangan negatif terhadap penyertaan Sabah ke dalam pembentukan Malaysia. Fakta dan huraian dalam penulisan ini juga diharapkan dapat membantu generasi akan datang dalam memahami proses pembentukan Malaysia sekaligus sejarah pembangunan ekonomi negeri Sabah.

1.7 Kaedah Kajian

Dalam menyiapkan penulisan kajian ini, pengkaji menggunakan disiplin sejarah sebagai asas utama kepada penyelidikan. Selain itu, pengkaji turut menggunakan penyelidikan kualitatif di mana sumber bertulis seperti buku, artikel, jurnal dan dokumen rasmi digunakan sebagai bahan rujukan utama dalam memperoleh dan membandingkan maklumat berkaitan kesan pembentukan Malaysia terhadap pembangunan ekonomi negeri Sabah dari tahun 1963 hingga 2019. Sumber bertulis yang dinyatakan diperoleh melalui kajian arkib, kajian perpustakaan dan kajian sumber atas talian. Kajian arkib dilakukan di Arkib Negeri Sabah dan Arkib Negara Malaysia Cawangan Sabah manakala kajian perpustakaan pula dilakukan di Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Penampang dan Perpustakaan Universiti

Malaysia Sabah. Pengkaji turut menggunakan sumber atas talian yang boleh didapati di laman sesawang seperti *Google Books*, *Jstor* dan laman web rasmi.

Sumber primer yang digunakan dalam penyelidikan ini terdiri daripada dokumen dan laporan rasmi berkaitan sejarah pembentukan Malaysia serta pertumbuhan ekonomi negeri Sabah. Dokumen dan laporan rasmi ini dapat membantu pengkaji dalam mengenal pasti pelan dan projek pembangunan ekonomi yang dirancang bagi negeri Sabah sejak pembentukan Malaysia pada 16 September 1963. Salah satu sumber primer yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah "Laporan Sosioekonomi Negeri Sabah" yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2020. Pengkaji turut menggunakan sumber sekunder yang terdiri daripada buku, artikel dan jurnal. Pengkaji telah mengenal pasti beberapa sumber sekunder yang turut menjelaskan tentang pembangunan ekonomi negeri Sabah sejak pembentukan Malaysia. Salah satu sumber sekunder yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah artikel yang dihasilkan oleh Juhirin B. Kantis yang bertajuk "Trend Pembangunan Ekonomi Sabah dan Keadaan Ekonomi Masyarakat Bumiputera (1963-1970)". Namun begitu, terdapat juga sumber sekunder yang ditemui turut menghuraikan atau memasukkan perbincangan topik yang tidak mempunyai kaitan dengan tajuk kajian. Oleh itu, pengkaji melakukan kritikan sumber ke atas sumber-sumber sekunder tersebut bagi memastikan bahan rujukan yang digunakan sesuai dan berkaitan dengan tajuk penyelidikan.

Seterusnya, pengkaji menganalisis data yang diperoleh daripada buku, artikel dan dokumen rasmi bagi menentukan sama ada ianya sesuai digunakan sebagai hujah dan sokongan dalam penulisan kajian ini. Akhir sekali, pengkaji menyusun dapatan kajian dalam bentuk deskriptif dan menyertakan hujah secara analitikal ke atas data yang diperoleh.

1.8 Pembahagian Kajian

Penulisan kajian ini akan dibahagikan kepada lima bab utama yang merangkumi latar belakang kajian, peristiwa pembentukan Malaysia, pelan pembangunan ekonomi bagi negeri Sabah, perubahan ekonomi yang berlaku di Sabah sejak pembentukan Malaysia dan kesimpulan. Pembahagian bab ini adalah penting supaya huraian dan perbincangan mengenai tiga topik utama yang dinyatakan tadi

dapat dijelaskan dengan terperinci dan tersusun. Selain itu, ianya juga dapat membantu pengkaji daripada melakukan kesilapan seperti mencampuradukkan fakta dan huraian dalam penulisan yang akan dihasilkan nanti. Tambahan, pembahagian bab dalam penulisan ini juga membantu para pembaca untuk memahami dengan lebih mudah dan menjadikan dapatan daripada penulisan ini sebagai bahan rujukan dalam penulisannya.

Bab satu membincangkan latar belakang kajian seperti pengenalan kepada tajuk kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, sorotan literatur, skop kajian, kaedah kajian dan pembahagian bab kajian.

Bab dua menerangkan tentang peristiwa pembentukan Malaysia. Penjelasan mengenai peristiwa pembentukan Malaysia ini akan merangkumi idea dan faktor yang membawa kepada pembentukan Malaysia serta usaha yang dilakukan bagi merealisasikan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963. Selain itu, bahagian ini turut mendedahkan faktor yang mendorong Sabah bersetuju untuk bergabung dalam pembentukan Malaysia dan reaksi awal negeri Sabah terhadap berita mengenai pembentukan Malaysia. Kesimpulan akan dibuat untuk mengulas perbincangan dalam bab dua.

Bab tiga menghuraikan pelan pembangunan ekonomi yang dilaksanakan bagi negeri Sabah dari tahun 1963 hingga 1973. Perbincangan mengenai pelan pembangunan ekonomi bagi negeri Sabah ini akan menghuraikan setiap pelan pembangunan ekonomi yang pernah dilaksanakan terhadap negeri Sabah sepanjang tahun 1963 hingga 1973. Kesimpulan akan dibuat selepas huraian mengenai pelan pembangunan ekonomi bagi negeri Sabah selesai.

Bab empat mendedahkan pencapaian pembangunan ekonomi yang berjaya dicapai oleh negeri Sabah selepas pelan-pelan pembangunan ekonomi dilaksanakan. Perubahan ini penting untuk dikaji bagi memahami sejauhmana pelan pembangunan ekonomi yang dirancang sejak pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 membawa perubahan kepada ekonomi negeri Sabah. Di akhir perbincangan bab empat, pengkaji akan membuat kesimpulan berdasarkan perbincangan dalam bab empat.

Bab lima adalah bab terakhir yang merupakan penutup kepada penulisan penyelidikan yang dihasilkan. Dalam bab lima, pengkaji akan membuat analisis perbincangan dan kesimpulan berdasarkan dapatan kajian daripada bab satu hingga bab empat.

1.9 Kesimpulan

Secara keseluruhan, kajian tentang kesan pembentukan Malaysia terhadap pembangunan ekonomi negeri Sabah dari tahun 1963 hingga 1973 akan dihuraikan melalui tiga bahagian utama iaitu peristiwa pembentukan Malaysia, projek pembangunan ekonomi negeri Sabah dan perubahan ekonomi yang berlaku di Sabah sejak pembentukan Malaysia pada 16 September 1963. Melalui kajian ini, pengkaji berharap penulisan yang dihasilkan dapat menafikan tanggapan negatif sesetengah golongan masyarakat yang beranggapan Sabah tidak mengalami sebarang kemajuan sejak pembentukan Malaysia dan sering dianaktirikan daripada pembangunan Malaysia.



BAB 2

LATAR BELAKANG PEMBENTUKAN MALAYSIA

2.1 Pengenalan

Pembentukan Malaysia telah diisytiharkan secara rasmi pada 16 September 1963 dimana ianya menggabungkan negeri-negeri di Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak. Namun begitu, Singapura telah dikeluarkan daripada Malaysia selepas dua tahun penyertaannya. Peristiwa pembentukan Malaysia 16 September 1963 merupakan sebahagian daripada sejarah pembinaan negara dan bangsa Malaysia. Selepas Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, Tunku Abdul Rahman yang merupakan perdana menteri pertama Persekutuan Tanah Melayu pada ketika itu telah mengemukakan cadangan untuk membentuk sebuah negara yang dikenali sebagai "Malaysia" pada 27 Mei 1961 dalam sebuah majlis makan tengahari di Hotel Adelphi, Singapura.¹² Menurut Tunku Abdul Rahman, Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka tidak sewajarnya berdiri dengan sendiri dan membiarkan wilayah-wilayah jiran seperti Singapura, Brunei, Sabah dan Sarawak belum mencapai kemerdekaan. Oleh itu, Tunku Abdul Rahman berpendapat bahawa melalui pembentukan Malaysia ini, wilayah-wilayah jiran akan dapat mencapai kemerdekaan dan seterusnya membawa kepada kerjasama politik dan ekonomi yang menguntungkan antara kedua-dua belah pihak.¹³

*"Sooner or later she should have an understanding with Britain and the peoples of the territories of Singapore, Brunei, Sabah and Sarawak."*¹⁴

¹² Tajuddin Hussein, Suhaiza Ibrahim & Robiah Alias, *Malaysia Negara Kita*, Kuala Lumpur: MDC Publishers, 2009, hlm. 287.

¹³ Azharuddin Mohamed Dali, *Perlembagaan Malaysia: Penyertaan Sabah dan Sarawak ke dalam Malaysia*, Seminar Perlembagaan Malaysia: Di Antara Sejarah dan Tuntutan Semasa, Arkib Negara Malaysia, 5 Julai 2012, hlm. 5.

¹⁴ Surat, No. 4 (RLO41/82/61), 27 Jun 1961, CO 1030/608, NA, London.